

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

MAJLIS PARLIMEN YANG KELIMA BELAS
MALAYSIA
PENGGAL PERTAMA
DEWAN RAKYAT

HARI ISNIN, 19 DISEMBER 2022, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Proklamasi Memanggil Parlimen Bermesyuarat
2. Memilih Tuan Yang di-Pertua
3. Tuan Yang di-Pertua Mengangkat Sumpah
4. Ahli-ahli Mengangkat Sumpah
5. Memilih Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua
6. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan :

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

7. Bacaan Kali Yang Pertama Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022.
8. **Timbalan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

Bahawasanya Dewan yang mulia ini merafakkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu atas perkenan semasa Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja pada 24 November 2022 serta menjunjung kasih terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan untuk melantik Yang Berhormat Tambun sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh pada 24 November 2022 lalu;

Bahawasanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh menjunjung kasih dan menzahirkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas cetusan idea penubuhan Kerajaan Perpaduan. Ini berikutan keputusan Pilihanraya Umum Ke-15 yang telah menatijahkan situasi Parlimen tergantung di mana tiada parti politik atau gabungan parti politik memperoleh majoriti mudah. Situasi tersebut tidak pernah berlaku sepanjang sejarah negara ini. Idea penubuhan Kerajaan Perpaduan merupakan cerminan pandangan jauh serta keprihatinan Baginda Tuanku demi kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat;

Bahawasanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh dengan rasa rendah diri menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Kerajaan Perpaduan dengan parti-parti politik utama negara termasuk Ahli Parlimen Bebas. Usaha tersebut akhirnya berhasil dengan pembentukan Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan yang telah dilantik pada 3 Disember 2022 lalu;

Bahawasanya kini Kerajaan Perpaduan komited untuk menggalas amanah rakyat. Kerajaan sedang giat melaksanakan segala gerak kerja termasuk menyusun strategi baharu bagi mempersiapkan negara menghadapi cabaran politik, ekonomi, sosial, perubahan persekitaran dan sebagainya;

Menyedari bahawasanya prospek ekonomi dunia tahun hadapan dijangka mengalami kemelesetan, adalah penting Kerajaan Perpaduan mendapat sokongan dalam kalangan Ahli-Ahli Dewan Rakyat. Ini sekali gus akan memperkukuhkan lagi keyakinan pelabur, komuniti perniagaan serta rakyat. Hasil sokongan tersebut akan menyuntik azam untuk Kerajaan Perpaduan terus komited memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Pentadbiran Kerajaan Perpaduan ini akan berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik, keadilan serta kesaksamaan sosial termasuk usaha-usaha reformasi bidang-bidang tertentu;

Dengan ini, kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh dan Kerajaan Perpaduan perlu disokong demi kejayaan negara dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Perpaduan berikrar dengan iltizam yang jitu untuk terus menstabilkan iklim politik, memakmurkan ekonomi, menyatupadukan semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum serta mengangkat martabat Malaysia di mata dunia;

Dengan ini, Dewan ini perlu mengambil ketetapan dan berikrar memberi sokongan sepenuhnya terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Tambun selaku Perdana Menteri bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh sambil menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Tambun selaku Perdana Menteri Malaysia Kesepuluh.

9. (D.R.47/2022) - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan
(Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion Sembilan Ratus Lima Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Ratus Ringgit (RM55,959,213,200) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 54 Tahun 2022, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 diluluskan."

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM35,045 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM31,834 juta dan baki wang terimaan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sebanyak RM3,211 juta bagi tahun 2022 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,200 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi tahun 2022 ke Kumpulan Wang COVID-19."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 54	Penyata Sementara Maksud-Maksud Perbelanjaan Yang Dicapangkan Bagi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 Mengikut Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966	19 Disember 2022